

HADHANAH MENURUT MAZHAB SYAFIE DAN MAZHAB HANAFI SERTA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM DI MALAYSIA: TINJAUAN AWAL

HADHANAH ACCORDING TO SYAFIE AND HANAFI MAZHAB, AS WELL AS ISLAMIC FAMILY LAW IN MALAYSIA: A PRELIMINARY REVIEW

¹*Setiyawan Gunardi, ¹Hendun Abd Rahman Shah, ¹Lukman Abdul Mutalib,
¹Wan Abdul Fattah Wan Ismail, ¹Ahmad Syukran Baharuddin

Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai

*Corresponding Author: setiyawan@usim.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan hak hadhanah terhadap anak ketika menghadapi kes perceraian ibu bapanya. Hak hadhanah telah dikaji para imam mazhab dan undang-undang keluarga Islam di Malaysia yang dijadikan sebagai rujukan di mahkamah syariah. Oleh itu, kajian yang terperinci perlu dilakukan bagi mendapat maklumat awal berkaitan hadhanah mengikut kehendak syarak. Objektif kajian ini bertujuan mendedahkan hak hadhanah menurut perspektif mazhab Shafie dan mazhab Hanafi, dan dari aspek undang-undang keluarga Islam di Malaysia. Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan terhadap dokumen-dokumen fiqh mazhab Hanafi dan Syafii. Analisis turut dilakukan terhadap undang-undang tersebut di Mahkamah Syariah di Malaysia. Akta-akta dan enakmen undang-undang keluarga Islam dalam memainkan peranan menyelesaikan kes hadhanah ini turut dianalisa. Kajian mendapati bahawa hak hadhanah lebih diberikan pihak wanita, kerana wujudnya kasih sayang dan kelembutan hati dalam menjaga kanak-kanak sehingga mampu mengurus diri sendiri. Mahkamah syariah mempunyai peranan yang sangat penting dalam mendetailkan hak hadhanah kepada masyarakat sehingga dapat mengelak pertikaian antara suami dan isteri.

Kata Kunci: *Hadhanah, kes perceraian, mazhab Syafie, mazhab Hanafi, undang-undang keluarga Islam.*

ABSTRACT

This study discusses the right of hadhanah to a child when facing a divorce case of his parents. Hadhanah rights have been studied by the imams of Mazhab and Islamic family law in Malaysia which is used as a reference in the Syariah court. Therefore, a detailed study needs to be done to get preliminary information related to hadhanah according to Islamic requirements. The objective of this study is to reveal the rights of hadhanah according to the perspective of the Shafie and the Hanafi Mazhab, and from the aspect of Islamic family law in Malaysia. This study used the library method on the documents of the fiqh of Hanafi and Syafii. The analysis is also done on the law in the Syariah Courts in Malaysia. Acts and enactments of Islamic family law in playing the role of resolving this hadhanah case are also analyzed. Studies have found that hadhanah rights are more given to women because there is love and tenderness in caring for children so that they can take care of themselves. The Syariah court has a very important role in detailing the hadhanah rights to the community so that it can avoid disputes between husband and wife.

Keyword (s): *hadhanah, divorce cases, Syafie mazhab, Hanafi Mazhab, Islamic family law.*

Pendahuluan

Hadhanah merupakan hal ehwal penjagaan anak sekiranya berlaku perceraian antara suami dan istri. Isu-isu berkaitan sentiasa dibincangkan bagi membentuk kebajikan keluarga, terutamanya bagi pihak kanak-kanak yang tidak mampu mengurus dirinya sendiri.

Hadhanah adalah perkataan dari bahasa Arab daripada *al-Hadhn* yang bermaksud: tulang rusuk yang menggambarkan seorang penjaga yang meletakkan anaknya pada bahu/tanggungjawab. Menurut Mu'jam al-Wasit (2004): Penjagaan terhadap kanak-kanak untuk dibimbing dan ditadbir perkara yang menjadi keperluan mereka, seperti mengurus hal ehwal sekolah pada ketika kanak-kanak membesar.

Hadhanah menurut istilah fiqh al-Shafie, adalah: melindungi dan memberi penjagaan kepada anak yang tidak dapat membezakan antara perkara yang betul dan salah, tidak mampu untuk bergantung kepada diri sendiri dan memberi pendidikan yang layak dan melindungi kanak-kanak daripada sesuatu perkara yang memperbahaya ke atas diri anak tersebut (al-Zuhaili 1431H/2011). Dalam istilah fiqh al-Hanafi pula hadhanah iaitu menjaga kesejahteraan anak secara keseluruhan termasuk makanan, minuman, pakaian dan lain-lain dalam jangka masa tertentu bagi mendapat hak jagaan (al-Kasani 1406H/1986). Kedua-dua istilah membawa maksud yang sama bahawa hadhanah adalah hak penjagaan kepada anak untuk memberi kebajikan yang layak sepanjang hidupnya sehingga anak tersebut mampu menjaga diri sendiri. Oleh itu, diperlukan satu tinjauan kajian yang boleh dijadikan rujukan bagi masyarakat Muslim dan mahkamah syariah di Malaysia dalam memutuskan kes-kes hadhanah.

Hukum Hadhanah

Dalam Islam, tiada perbezaan antara fiqh mazhab tentang hukum wajib menjaga anak-anak sehingga mereka dapat menjaga dan mengurus diri sendiri. Hal ini berdasarkan pensyariatan hadhanah sebagaimana dijelaskan dalam dalil-dalil di bawah ini:

Allah berfirman surah al-Baqarah 2: 233, yang bermaksud:

Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada). kemudian jika keduanya (suami isteri mahu menghentikan penyusuan itu dengan persetujuan (yang telah dicapai oleh) mereka sesudah berunding, maka mereka berdua tidaklah salah (melakukannya). Dan jika kamu hendak beri anak-anak kamu menyusu kepada orang lain, maka tidak ada salahnya bagi kamu apabila kamu serahkan (upah) yang kamu mahu beri itu dengan cara yang patut. Dan bertaqwalah kamu kepada Allah, serta ketahuilah, sesungguhnya Allah sentiasa melihat akan apa jua yang kamu lakukan.

Ayat di atas membincangkan isteri-isteri yang telah diceraikan dan mempunyai anak. Isteri yang menyusui anak, maka dia mempunyai hak menyusui, jika dia reda. Apabila berlaku perceraian, maka ibu yang lebih berhak memberi jagaan sekiranya belum menikah. Jadi, wanita yang telah diceraikan adalah lebih utama mendapat hak menyusui dan hadhanah (Ibn Kathir 1420H/1999; al-Tabari 1422H/2001). Dengan jelas, ayat ini menunjukkan pensyariatan hadhanah dan orang yang paling berhak hadhanah adalah ibu berbanding yang lainnya.

Dan hadith Nabi SAW:

ما رواه عبد الله بن عمرو رضي الله عنهما: أن رسول الله ، جاءتته امرأة، فقالت : يا رسول الله، إن ابني هذا، كان بطني له وعاء، وثديي له سقاء، وحجري له حواء، وإن أباه طلقني، وأراد أن يزعه مني، فقال لها رسول الله صلى الله عليه وسلم: أنت أحق به مالم تنتكجي¹⁸⁸

Bermaksud:

Abdullah bin Amru r.a berkata: Seorang wanita datang berjumpa Rasulullah dan berkata: "Wahai Rasulullah, sesungguhnya ini adalah anakku, saya yang melahirkan dia, susu badan saya yang dia minum dan saya penjaganya. Sekarang ayahnya telah menceraikan aku dan dia mahu mengambil anakku. Kemudian, Rasulullah SAW berkata: Anda mempunyai hak daripada dia selagi anda tidak berkahwin "

Hadith ini menjelaskan tentang pensyariatan hadhanah, dan ibu lebih mempunyai hak hadhanah terhadap anak daripada ayahnya selama dia tidak menikah lagi.

Dalam al-Ijma dinyatakan bahawa tiada perbezaan pandangan antara imam mazhab tentang pensyariatan hadhanah (al-Kasani 1406H/1986; Ibn Rushd 1408H/1988), bahkan ijma telah pun menjelaskan pensyariatan hadhanah.

Hikmah Hadhanah

Hadhanah mempunyai banyak hikmah, yang diantaranya sebagaimana berikut:

1. Untuk menentukan siapa yang lebih bertanggungjawab untuk mengatur penjagaan anak dan pendidikan mereka supaya ia lebih mudah diatur.
2. Untuk mengelakkan sebarang bahaya kepada anak-anak kerana mereka masih kecil dan tidak boleh menjaga diri sendiri. Oleh itu, ibu lebih didahulukan dalam hak hadhanah, kerana seorang anak masih memerlukan pendidikan, beban dan penyusuan (Anon t.th).
3. Memberi pelajaran kepada ibu bapa tentang perceraian dan kesannya kepada anak apabila bercerai.
4. Untuk menentukan urutan jagaan mesti mengikut keutamaan supaya kepentingan tidak terjejas jika terdapat hujah atau konflik (Anon t.th).

Tempoh Jagaan

Menurut al-Khin et.al. (1413H/1992) tempoh jagaan seorang kanak-kanak semenjak daripada lahir sehingga umur dewasa sebagaimana Islam menyebut sebagai *mumaiyiz*. Maksud *mumayyiz* iaitu kanak-kanak itu boleh menguruskan hidup yang khusus untuk mereka tanpa memerlukan bantuan orang lain. Di mana dia tidak lagi dikategorikan sebagai anak kecil, dan ditentukan dengan umur tujuh tahun atau lapan tahun yang biasanya pada zaman ini, kebanyakannya sudah menjadi *mumayyiz*. Kanak-kanak juga boleh melakukan sesuatu dengan sendirinya dan tidak memerlukan bantuan dari orang lain, seperti makan, minum, membersihkan diri, dan melakukan "taharah" seperti wudhu.

Dan jika kanak-kanak itu mencapai umur tujuh tahun dan dia disahkan sebagai *mumaiyiz*, tempoh jagaannya berakhir. Oleh itu, fasa baru bermula iaitu *kafalah*. Dia kemudian dibenarkan memilih antara ibu bapanya; sama ada ibu atau bapa. Seperti yang diriwayatkan oleh al-Tirmidhi¹⁸⁹ dari Abu Hurairah R.A: bahawa Nabi ﷺ membiarkan seorang lelaki memilih antara ibunya dan ayahnya.

Mazhab hanafi dan mazhab Syafi'e berpendapat yang sama bahawa kanak-kanak di bawah umur tujuh tahun tidak dikategorikan sebagai *mumayyiz* (Masdar 1997).

¹⁸⁸ Abu Daud, Sunan, Kitab al-Talaq, bab man ahaqq bi al-walad, no: 2276.

¹⁸⁹ al-Tirmidhi, Sunan, Kita al-Ahkam, Bab Ma Ja'a fi Takhyir al-Ghulam bayn Abayh Idh Iftaraqa, no: 1357.

Perintah Pemilihan Penjaga Yang Lebih Berhak Terhadap Hadhanah

Hak penjagaan atau wajib untuk saudara mara kanak-kanak dan mengutamakan yang paling dekat dengan kanak-kanak itu sama ada wanita atau lelaki atau wanita dan lelaki.

Dalam mazhab syafie, wanita didahulukan, kemudian lelaki ketika kedua-dua wujud. Di mazhab ini juga, ia dibagi menjadi tiga kumpulan penjaga yang berhak. Menurut www.mylawyer.com.my telahpun dinyatakan hak jagaan anak (hadhanah) akan ditentukan oleh Mahkamah dengan mempertimbangkan kebajikan anak. Pada kebiasaannya hak jagaan anak di bawah umu mumayyiz (umur bawah 7 tahun) diberikan kepada ibu kandung, melainkan dapat dibuktikan ibu kandung tersebut telah hilang kelayakan sebagai seorang penjaga. Menurut seksyen 81, Akta [303] (1) Tertakluk kepada Seksyen 82, ibu adalah yang paling berhak daripada segala orang bagi menjaga anak kecilnya dalam masa ibu itu masih dalam perkahwinan dan juga selepas perkahwinannya dibubarkan (<http://www.esyariah.gov.my/Misc/htdocs/faqbm/FaqDisplayByGroupBM.jsp?FaqGroupId=253#topfocus>). Dalam mazhab hanafi juga sama ditekankan bahawa penjaga yang lebih berhak adalah ibu (al-Kasani 1430H/2010).

Pertama: wanita.

Wanita lebih berhak daripada lelaki, susunannya mengikut mazhab Syafie (al-Zuhaili 1431H/2011; al-Khin et.al.1413H/1992) adalah sebagaimana berikut:

- 1) Ibu: ibu lebih berhak daripada semua penjaga yang berhak mendapat penjagaan kerana ketelusan dan kesabarannya terhadap beban penjagaan dan mendidik kanak-kanak. Seperti yang disabdakan oleh Nabi ﷺ: "Anda berhak mendapatnya selagi anda tidak berkahwin"
- 2) Nenek, ibu kepada ibu kanak-kanak atau nenek sebelah ibu dan ke atas. Hak penjagaan adalah kepada nenek dan jika ibu anak tidak wujud, atau enggan menjaga dia, atau kehilangan syarat-syarat penjaga atau terdapat halangan secara syar'i.
- 3) Nenek, ibu kepada bapa anak atau nenek sebelah bapa. Oleh kerana kelahiran itu dicapai dari ibu bapa.
- 4) Saudara perempuan atau adik beradik perempuan seibu sebapa: hak penjagaan jatuh kepada kakak kandung kerana terdapat hubungan rapat antara ibu bapa yang sama, kerana hubungan berkenaan berterusan atau saling berkait satu sama lain. Kemudian, jatuh kepada kakak dengan ayah yang sama, juga kakak dengan ibu yang sama.
- 5) Mak Cik sebelah ibu, kerana mak cik sebelah ibu setarap dengan mak cik sebelah ayah¹⁹⁰.
- 6) Anak perempuan kepada saudara perempuan atau saudara lelaki.
- 7) Mak Cik sebelah ayah.

Manakala menurut mazhab Hanafi, susunan secara ringkas bagi pihak wanita adalah: ibu, nenek, ibu saudara sebapa seibu, ibu ssaudara sebapa atau seibu, anak perempuan/saudara perempuan seibu sebapa dan anak perempuan kepada ibu saudara sebapa (al-Kasani 1430H/2010).

Dalam seksyen 81, Akta [303] menjelaskan susunan (2) ibu (3) nenek sebelah ibu hingga ke atas, bapa, nenek sebelah bapa hingga atas, kakak atau adik perempuan seibu sebapa, kakak atau adik perempuan seibu, kakak atau adik perempuan sebapa, anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu sebapa; anak perempuan dari kakak atau adik perempuan seibu; anak perempuan dari kakak atau adik perempuan sebapa; emak saudara sebelah ibu; emak saudara sebelah bapa; waris lelaki yang boleh menjadi warisnya sebagai nasabah atau residuari

¹⁹⁰ Sebahagian daripada hadits 'Ali (semoga Allah senang kepadanya) di Sulhi Khudaibiya, Bukhari 2/960, No (2002), Abu Dawood: 1/530, dan At Tarmizi: 2/30, No (1967)

(<http://www.esyariah.gov.my/Misc/htdocs/faqbm/FaqDisplayByGroupBM.jsp?FaqGroupId=253#topfocus>).

Kedua: Lelaki

Hadhanah kepada lelaki dengan cara mendahulukan waris mahram mengikut susunan pembahagian harta pusaka yang diberikan keutamaan. Datuk didahulukan daripada adik beradik lelaki. Seterusnya waris yang bukan mahram mengikut susunan pembahagian harta pusaka. Susunan hak hadhanah sebagaimana berikut:

- 1) Bapa: dan kemudian datuk (bapa kepada bapa) dan ke atas.
- 2) Saudara-saudara kandung seibu dan sebapa atau adik beradik seibu dan sebapa, dan kemudian adik beradik sebapa, anak lelaki kepada adik beradik lelaki seibu sebapa. Anak lelaki kepada adik beradik sebapa, bapa saudara sebelah bapa seibu.
- 3) Bapa saudara (pak cik) sebelah bapa seibu sebapa dan bapa saudara sebelah bapa sebapa. Kemudian anak lelaki kepada bapa saudara sebelah bapa seibu sebapa dan anak lelaki kepada bapa saudara sebelah bapa sebapa.

Ketiga: Semua waris perempuan dan laki-laki

Jika terdapat semua waris perempuan dan lelaki. Masing-masing ingin mendapat hak hadhanah, maka pihak yang diberikan keutamaan adalah sebagaimana berikut:

- 1) Ibu: Ibu lebih didahulukan daripada ahli waris yang lain, berdasarkan kepada hadith daripada Abdullah bin Amr, yang maksudnya: *Anda berhak al-hadhanah selagi belum berkahwin lagi*. Juga kerana ibu lebih memberikan kasih sayang dan kelembutan ketika menjaga anaknya.
- 2) Ibu kepada ibu (Nenek sebelah ibu): dia adalah wanita yang mempunyai kasih sayang yang sama dengan seorang ibu. Mengutamakan pihak yang terdekat daripada kalangan yang dekat. Kemudian mendahulukan yang paling dekat dalam pembahagian harta pusaka terdekat sama ada lelaki ataupun perempuan. Apabila sama taraf, maka wanita diberi keutamaan berbanding lelaki.
- 3) Bapa: Bapa, kerana ia adalah asal yang paling dekat dari aspek keturunan, dan memprioritikan bapa daripada ibu-ibunya, kerana mereka adalah asal.
- 4) Nenek sebelah bapa: dan seterusnya datuk (bapa kepada bapa).
- 5) Adik beradik perempuan seibu sebapa: dan kemudian adik beradik lelaki dan seterusnya.
- 6) Mak Cik sebelah ibu: Anak perempuan kepada saudara perempuan, anak perempuan kepada saudara lelaki. Kemudian bapa saudara sebapa dan anak-anaknya.

Dan jika mereka hanya terdapat lelaki sahaja, atau perempuan sahaja, dan masing-masing ingin mendapat hak al-hadhanah, maka hendaklah mengundi di antara mereka, seperti saudara lelaki, saudara perempuan, dan mak cik sebelah ibu, sesiapa yang keluar dari undi, maka kuasa al-hadhanah berada di tangannya (al-Zuhaili 2011).

Syarat-Syarat Hadhanah

Hak hadhanah terhadap kanak-kanak dalam mazhab Shafie (al-Khin et al 1413H/1992; al-Zuhaili 1431H/2011) tidak ditetapkan kecuali memenuhi syarat-syarat berikut:

- 1) Baligh dan berakal.

Orang yang menguruskan hadhanah (Hadhinah) mesti orang yang baligh dan berakal. Hak hadhanah tidak dibenar bagi yang belum baligh dan begitu juga orang gila sama ada perempuan ataupun lelaki, kerana hak hadhanah adalah hak penguasaan (hak al-wilayah). Orang yang belum baligh atau gila tidak mempunyai bidang kuasa atas dirinya, dan dia bukan ahli kuasa. Dia bukan daripada golongan berkomitmen dan penjagaan, sedangkan dirinya memerlukan penjagaan dan pengawasan (al-Khin et al 1413H/1992).

2) Islam

Jika kanak-kanak itu muslim walau daripada segi hukum sahaja melalui Islamnya bapa dan ibunya, maka tidak boleh hak hadhanah diberikan kepada orang kafir. Kerana hak hadhanah adalah penguasaan, dan tidak ada hak penguasaan orang kafir terhadap Muslim (al-Khin et al. 1413H/1992), dan kerana kafir boleh menimbulkan fitnah agama terhadap kanak-kanak. Jika seorang anak kafir, maka Islam tidak menjadi syarat, dan hak hadhanah dilihat yang paling dekat kepada Muslim atau kafir. Dalam seksyen 82, Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] juga meletakkan urutan pertama sebagai syarat penjaga.

3) Iffah dan amanah

Maksud iffah dan amanah adalah hadhin bukan orang fasiq. Ini kerana orang fasiq tidak boleh menjadi wali dan tidak boleh dipercayai untuk menjaga amanah. Oleh itu, penjaga kanak-kanak seharusnya adil, mempunyai harga diri (tidak mengikut hawa nafsu) dan mempunyai pegangan agama, juga kerana dia tumbuh besar dengan cara sendiri (al-Zuhaili 2011). Tiada hak penjagaan untuk orang bodoh, kerana dia tidak layak untuk menjaga kanak-kanak.

4) Sihat panca indera dan tidak menghidap penyakit yang berkepanjangan.

Orang yang mempunyai hak hadhanah hendaklah mempunyai panca inderanya sihat, sehingga boleh melakukan urusan kanak-kanak. Tidak dibenarkan bagi orang buta, lumpuh, atau pekak. Juga tidak mempunyai penyakit yang berkekalan. Kerana keuzuran dirinya menyebabkan dirinya tidak memenuhi hak kanak-kanak dengan baik dan mengurus segala urusan.

5) Bermuqim

Orang yang mendapat hak hadhanah mesti orang yang bermukim di tempat kanak-kanak itu berada. Jika orang tersebut hendak keluar bermusafir kerana sesuatu keperluan, seperti berhaji, berdagang, berkelah, dia tidak dibenarkan membawa bersama anak itu sekiranya tiada kemampuan. Oleh itu, hak hadhanah akan berpindah kepada orang yang tinggal bersama anak pada masa ketika itu, sehingga beliau pulang, sama ada tempoh perjalanan diperpanjang atau dipendekkan. Jika beliau sudah pulang, budak itu akan diserahkan semula hak hadhanah kepadanya. Tetapi jika beliau bermusafir untuk berpindah dan kekal berada di sesuatu negara, tanpa niat untuk pulang, maka hak hadhanah tidak gugur, dengan syarat laluan itu selamat, dan destinasi yang dituju selamat (al-Zuhaili 2011).

6) Ibu tidak berkahwin dengan lelaki yang lain

Hak hadhanah hanya dikhaskan untuk ibu itu tertakluk kepada satu syarat, iaitu dia tidak berkahwin dengan lelaki lain sekalipun dia belum disetubuhi oleh bapa anak itu atau suaminya reda anak tirinya itu tinggal bersamanta. Hal ini, sepertimana dinyatakan dalam hadith yang maksudnya: "Anda berhak menjaga anak kamu selagi kamu belum berkahwin lagi"¹⁹¹.

Ibu berhak mendapat hak hadhanah ke atas anaknya daripada yang lain selagi dia tidak berkahwin dengan lelaki lain. Ini kerana, jika dia telah berkahwin, maka dia sibuk menunaikan hak suaminya. Jadi tidak ada jaminan bahawa dia akan terus menjaga anaknya dan memberi perhatian kepada anaknya. Kanak-kanak dan hak hadhanahnya telah berpindah ke tempat bersama ayah tirinya, dan tidak ada tanda persetujuan suami lain sehingga boleh mendatangkan bahaya terhadap kanak-kanak tersebut. Semua ibu berhak mendapat hak hadhanah dengan syarat dia tidak berkahwin dengan lelaki lain, jika dia berkahwin, maka hak hadhanah akan gugur. Jika dia bercerai, maka hak al-

¹⁹¹ Abu Daud, Sunan, Kitab al-Talaq, bab man ahaqq bi al-walad, no: 2276.

hadhanah akan kembali semula, walaupun perceraian *raj'i*. Sekiranya dia kembali ke rumah suami, dia mesti mendapat kebenaran memasukkan anak ke rumah suami. Terdapat dua pengecualian dalam keadaan sebegini: yang pertama pada ibu secara khusus, dan yang kedua dalam semua hadhinah perempuan, iaitu:

- 1- Bapa kepada kanak-kanak dan suami bekas isterinya (bapa tiri kepada anak) perlu bersetuju supaya anak itu yang tinggal bersama ibunya. Keadaan ini mengekalkan hak hadhanah seorang ibu, dan hak hadhanah neneknya akan gugur. Sebagai pengiktirafan ibu khasnya untuk meningkatkan belas kasihannya, dan haknya untuk kebajikan.
- 2- Suami ibu yang baru (ayah tiri) adalah kaum keluarga kanak-kanak, yang mempunyai hak hadhanah terhadapnya. Jika terlalu jauh kedudukan hierarki kekeluargaan. Hal ini seperti seorang wanita yang berkahwin dengan bapa saudaranya, hak hadhanah tidak gugur jika suaminya bersetuju menerima hadhanah terhadap anak itu. Ini, disebabkan suami tadi mempunyai hak hadhanah terhadap kanak-kanak tersebut (anak tirinya). Juga suami mempunyai rasa sayang kepadanya sehingga mendorongnya bekerjasama dengannya untuk menjaga dan mengambil perhatian kepadanya.

7) Penyusuan

Hak hadhanah terhadap kanak-kanak disyaratkan selagi masih menyusu, ibu mesti menyusukan anak bersama hak hadhanah. Jika dia tidak mempunyai susu, maka dia tidak mempunyai hak hadhanah, sehinggalah seorang wanita tidak terpisah hak hadhanah dengannya. Penyusuan susu ibu pada seorang kanak-kanak lain sebagai wakil, maka hendaklah ayah mengambil upah ibu susuan, kerana dia meninggalkan rumahnya. Kemudian bergerak berpindah ke rumah penjaga dan wujud kesukaran (al-Zuhaili 2011).

Manakala dalam mazhab Hanafi (al-Kasani 1430H/2010) menyatakan bahawa syarat-syarat hak hadhanah (hadhinah/penjaga) adalah:

- 1) Islam, seorang penjaga mesti beragama Islam dalam mengambil hak hadhanah.
- 2) Berakal, tidak dibenarkan orang yg gila.
- 3) Berkemampuan melakukan penjagaan, mereka adalah orang yang telah dewasa dan banyak pengalaman. Mempunya 5 panca indera yang sempurna, manakala orang buta, bisu, pekak adalah tidak dibenarkan, kerana risau dapat mendatangkan kemudaratan.
- 4) Jika kanak-kanak dijaga dengan baik, maka penjaga mesti kuat dan menjaga anaknya daripada melakukan perbuatan negatif, terutama yang didorong oleh hawa nafsu dan syahwat. Jika penjaga tidak bersedia untuk mencegah kanak-kanak daripada melakukan perbuatan buruk tersebut, maka lebih baik untuk melepaskan diri.
- 5) Penjaga mempunyai agama yang kuat, bukan daripada orang yang suka minum khamr dan seorang pezina.
- 6) Penjaga mesti sihat dari semua penyakit berjangkit, seperti kusta atau sopak.
- 7) Penjaga mesti berpengalaman dalam menguruskan harta.
- 8) Jika penjaga adalah seorang wanita, dia bukan orang yang sering mendekati seorang lelaki yang bukan mahram, kecuali wanita itu berkahwin dengan lelaki itu. Jika penjaga sering didatangi oleh seorang lelaki yang bukan mahram, maka haknya sebagai penjaga akan dilucutkan.

Dalam seksyen 82, Akta undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] memperuntukkan bahawa syarat-syarat menjadi hadhinah (www.esyariah.gov.my) ialah:

- 1) Dia adalah seorang Islam;
- 2) Dia sempurna akal;
- 3) Dia berumur yang melayakkan dia memberi kepada kanak-kanak itu jagaan dan kasih sayang yang diperlukan oleh kanak-kanak itu;

- 4) Dia berkelakuan baik dari segi akhlaq Islamiah; dan
- 5) Dia tinggal di tempat di mana kanak-kanak itu tidak mungkin menghadapi apa-apa akibat buruk dari segi akhlak atau jasmani.

Syarat-syarat yang dijelaskan dalam mazhab Shafie dan mazhab Hanafi tidak terdapat perbezaan yang ketara, walaupun begitu pelaksanaannya tertakluk pada perintah mahkamah, sepertimana yang termaktub dalam akta undang-undang Keluarga Islam di atas.

Kesan Tidak Dapat Memenuhi Syarat Hadhanah

Sekiranya salah satu daripada tujuh syarat tidak dapat dipenuhi dengan keterangan, atau keputusan hakim, maka hak hadhanah akan gugur. Hak ini akan diserahkan kepada pihak selepasnya mengikut urutan terdahulu, iaitu wanita atau lelaki, atau wanita dan lelaki. Jika hak hadhanah gugur dengan sebab tertentu, atau kerana wujud halangan, maka sebab atau halangan itu gugur, hak hadhanah akan kembali sebagaimana di atas, kerana hilangnya sebab, maka sebab itupun hilang akan kembali mengikut urutan (al-Zuhaili 2011).

Penjagaan Kanak-Kanak Mumayyiz

Jika kanak-kanak mumayyiz memilih salah seorang daripada ibu bapa, dan kemudian kanak-kanak tersebut sakit, maka ibu lebih berhak merawatnya, kerana dia lebih mempunyai rasa kasih sayang kepadanya. Jika kanak-kanak itu tinggal bersama bapa, anak itu perlu mendapat persetujuan ibu untuk menjaga mereka di rumah bapa, kalau tidak, maka kanak-kanak akan berpindah ke rumah ibu, jika ibu datang ke rumah bapa, maka perlu menjaga diri agar tidak berlaku khalawat.

Sekiranya kanak-kanak itu seorang lelaki lebih memilih ayahnya, maka bapanya tidak boleh menghalangnya untuk melawat ibunya, sebab ibunya tidak perlu keluar untuk melawatnya.

Jika kanak-kanak itu seorang perempuan dan lebih memilih ayahnya, dan dia hendak melawat ibu yang tidak mengambil perhatian dan kurang baik, atau jika dia mengharap ibu datang melawatnya, hendaklah dia tidak keluar rumah, kerana umur dan pengalaman yang belum banyak. Ibunya boleh melawat pada tengah hari dan bukan setiap hari.

Sekiranya kanak-kanak itu seorang lelaki dan memilih ibunya untuk tinggal bersama pada waktu malam, hendaklah ayahnya melawat tengah hari untuk mendisiplinkannya dan mengajarkan kepadanya perkara agama, kehidupan dan kerajinan dan menyerahkannya ke pejabat tempat dia belajar menulis, dan tidak boleh diabaikan.

Sekiranya kanak-kanak itu seorang perempuan dan lebih memilih ibunya, sedang dia akan tinggal bersamanya pada waktu siang dan malam, hendaklah bapa melawat pada siang hari dan tidak meminta untuk melakukan kejahatan dan lalai terhadap penjagaan.¹⁹²

Pengesahan Berakhirnya Tempoh Hadhanah

Seseorang tidak dapat memenuhi salah satu syarat-syarat hadhanah, maka dapat disahkan dengan salah satu daripada tiga cara berikut:

Cara pertama: Pengakuan hadhinah (ibunya)

Jika ibu mengakui bahawa dia telah berkahwin lain, atau dia mempunyai penyakit kekal, maka hak hadhanah akan gugur.

¹⁹² This hadeeth was narrated by Al-Syafie' in Al-Ummi: 5/52 section parent's right, and Al-Baihaqi of Al-Jurmi building : 8/4 ; and see ; summarizing the ink : 4/12

Cara kedua: Dakwaan dan protes

Jika pendakwa/pemprotes hak hadhanah mendakwa bahawa hadhinah(penjaga) itu tidak memenuhi salah satu syarat hadhanah, dikemukakan dengan bukti yang kukuh, maka hak hadhanah gugur.

Cara ketiga: Ketetapan qadi/hakim

Jika qadi/hakim mengesyaki dan ragu-ragu terhadap syarat-syarat ada pada hadhinah/penjaga kanak-kanak, dan dia mencari kapastian, apabila dipastikan penjaga itu tidak memenuhi salah satu syarat hadhanah, dia hendaklah mengugurkan hak hadhanah penjaga itu.

Upah Hadhanah

Orang yang menjaga anak, berhak mendapat upah. Seorang isteri tidak berhak mendapat upah hadhanah anaknya jika suami atau isteri bersamanya dalam tempoh menunggu iddah. Ini kerana suami diwajibkan memberikan nafkah kepada isterinya semasa tempoh tersebut.

Sekiranya isteri telah diceraikan selepas suami meninggal dunia, maka dia berhak mendapat upah hadhanah kerana dia belum mengambil nafkah atas ganjaran ketika bersama suami pada masa hidup.

Mazhab Hanafiyah dan Syafiiyah berpendapat upah hadhanah adalah diambil daripada sumber harta kanak-kanak jika dia mempunyai harta. Jika tidak, maka harus menggunakan harta ibu bapa atau yang bertanggungjawab atas anak itu (www.dorar.net/feqhia/5211).

Dalam Undang-undang telah memberi syarat kepada yang memerlukan upah, hendaklah tidak melebihi separuh daripada pendapatan ayah. Oleh itu, penjaga yang tidak mampu melaksanakan hadhanah, maka akan diserahkan kepada saudara-mara lain. Terserah kepada penjaga sama ada mereka ingin mengambil upahnya atau menyimpannya secara percuma.

Penutup

Hadhanah merupakan hak seorang penjaga, sama ada wanita ataupun lelaki, walau begitu lebih diutamakan kepada pihak wanita, kerana sifat seorang wanita lebih dominan dalam melaksanakan jagaan kanak-kanak. Para ulama mazhab Shafie dan mazhab Hanafi telah membincang hak hadhanah, sehingga ia memberi kesan terhadap akta undang-undang Keluarga Islam di Malaysia.

Mahkamah syariah mempunyai peranan yang penting dalam memutuskan hak hadhanah, sehingga boleh memberi kebajikan kepada kanak-kanak dan demi masalah semua pihak yang terlibat dalam perkara ini.

Rujukan

Al-Quran.

Abu Daud, Sulaiman ibn al-Ash' ath al-Azdi al-Sijistani. (1430H/2009). *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar al-Risalah al-Alamiyyah.

Anon. t.th. al-Mabhath al-Thalith: al-Hikmat min Mashru'iyat al-Hadhanah. [https://dorar.net/feqhia/5160/al-Mabhath al-Thalith: al-Hikmat min Mashru'iyat al-Hadhanah](https://dorar.net/feqhia/5160/al-Mabhath-al-Thalith:al-Hikmat-min-Mashru'iyat-al-Hadhanah) [30 Mac 2020].

http://www.mylawyer.com.my/prosedur-perceraian-untuk-muslim/hak-jagaan-anak/?gclid=EAiaIQobChMI15y_h6PL6AIVg5CPCCh3bYAIInEAMYASAAEgIv4vD_BwE [30 Mac 2020]

Ibn Kathir, Ismail ibn Umar ibn Kathir al-Quraysi al-Dimashqi. 1420H/1999. *Tafsir al-Quran al-Azhim*. Riyadh: Dar Tiba

Ibn Rushd, Abu al-Walid Muhammad ibn Ahmad ibn Rushd al-Qurtubi. 1408H/1998. *Al-Muqaddimat al-Mumhidat*. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.

- al-Kasani, Ala al-Din, Abu Bakr ibn Mas'ud ibn Ahmad. 1430H/2010. *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Shara'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Kasani, Ala al-Din, Abu Bakr ibn Mas'ud ibn Ahmad. 1406H/1986. *Bada'i al-Sana'i fi Tartib al-Shara'i*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- al-Khin, Mustafa Said; al-Bugha, Mustafa; al-Sharbaji. 1413H/1992. *al-Fiqh al-Manhaji ala Madhhab al-Imam al-Shafi'i*. Juz. 4. hlm. 194-195. Dimashq: Dar al-Qalam.
- Masdar Farid Mas'ud. 1997. Hak-hak Reproduksi Perempuan: Dialog Fikih Pemberdayaan. Bandung: Mizan.
- al-Mu'jam al-Wasit*. 2004. Egypt: Majma' al-Lughah al-Arabiyyah wa Maktabat al-Shuruq al-Dawliyyah.
- al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir. 1422H/2001. *Tafsir al-Tabari, Jami' al-Bayan an Ta'wil Ayy al-Quran*. al-Qahirah: Hijr.
- al-Tirmidhi, Muhammad ibn Isa ibn Saurah ibn Musa Ibn al-Dhahak. 1395H/1975. *Sunan al-Tirmidhi*. Mesr: Syirkah Maktabah wa Matba'at Mustafa al-Babi al-Halabi.
- [www.dorar.net/feqhia/5211/al-Babhath al-Thani: Ujrah-al-Hadhanah](http://www.dorar.net/feqhia/5211/al-Babhath%20al-Thani%20Ujrah-al-Hadhanah).
- <http://www.esyariah.gov.my/Misc/htdocs/faqbm/FaqDisplayByGroupBM.jsp?FaqGroupId=253#topfocus>
- al-Zuhaili, Muhammad. (1431H/2011). *al-Muktamad Fi al-Fiqh al-Shafi'e*. Syria: Darul Qalam.
- al-Zuhaili, Wahbah. (1405H/1985). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Dimashq: Dar al-Fikr.